

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat tema dalam novel tersebut , iaitu kegigihan anak muda dalam usaha melestarikan alam sekitar.

Sebagai contoh, Nurul Hafsa mengambil inisiatif menyediakan dan menghantar laporan tentang tahap kecerahan langit Kuala Selangor meskipun tiada tindakan diambil.

Selain itu, Nurul Hafsa, Muhammad Taufiq dan Budiman menyediakan kertas cadangan dan bahan pembentangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor yang lengkap sebelum berhadapan dengan pegawai atasan dan Menteri Besar.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari , huraikan dua persoalan kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Dua persoalan kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut ialah *kasih sayang seorang anak terhadap ibu bapa.* Sebagai contoh Muhammad Taufik mempelawa ibunya Maryam Wickham Abdullah tidur di rumahnya ketika ibunya datang ke Malaysia kerana sudah lama mereka tidak bersua. Muhammad Taufik juga berusaha menyatukan ibu bapanya semula. Selain itu, Nurul Hafsa akan

membina stor untuk ayahnya apabila mendapat gaji pertama supaya peralatan berkebun ayahnya tidak dicuri orang.

Persoalan kasih sayang yang kedua ialah *kasih sayang terhadap rakan*. Sebagai contoh, Nurul Hafsa bimbang akan keselamatan Muhammad Taufik dan sentiasa mengikuti perkembangan kesihatannya. Muhammad Taufik sayang akan Nurul Hafsa dan ingin menyuntingnya sebagai isteri.

3. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menggambarkan **persoalan maruah**.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat persoalan maruah dalam novel ini.

**Persoalan maruah yang pertama ialah maruah diri dalam kerjaya.** Contohnya, sebagai seorang pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Nurul Hafsa mengambil tanggungjawab terhadap rasa kecewa rombongan pencerap bintang dari Jepun yang tidak dapat melihat bintang dengan mata kasar kerana langit pada malam itu terlalu cerah. Dia memberikan penjelasan dan berjanji akan mengembalikan bintang-bintang di Kuala Selangor semula.

Persoalan seterusnya ialah *persoalan maruah keluarga*. Sebagai contoh Budiman menemani adiknya, Nurul Hafsa yang terpaksa berbincang dan mengumpul maklumat tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor dengan Muhammad Taufik di perputakaan Awam. Budiman bertindak kerana mereka bukan mahram dan mengelak daripada fitnah.

Persoalan terakhir ialah *persoalan maruah negara*. Sebagai contoh Nurul Hafsa , Muhammad Taufik dan Budiman gigih berusaha melestarikan alam sekitar di negara ini demi pembangunan negara dan generasi akan datang.

4. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari , jelaskan dua peristiwa yang memaparkan persoalan tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat persoalan tanggungjawab dalam novel ini.

Persoalan yang pertama ialah persoalan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak. Sebagai contoh, Tan Sri Muhaimin dan Puan Maryam Wickham amat menyayangi Muhammad Taufik dengan memberikan segala yang dikehendaki oleh anak mereka itu.

Persoalan yang kedua ialah persoalan tanggungjawab seorang abang terhadap adik. Sebagai contoh, Budiman sentiasa menyokong usaha adiknya, Nurul Hafsa mengatasi pencemaran cahaya di Kuala Selangor dan sentiasa menemani Nurul Hafsa mencerap kehadiran kelip-kelip bersama-sama Muhammad Taufik di Kampung Kuantan.

Persoalan terakhir ialah persoalan tanggungjawab terhadap rakan..Contohnya, Muhammad Taufik bimbang akan keselamatan Nurul Hafsa yang dilarikan oleh penculik dan berusaha menyelamatkannya.

5. Kegigihan merupakan salah satu persoalan yang terdapat dalam novel yang telah anda kaji. Buktikan pernyataan tersebut.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat persoalan kegigihan dalam novel ini.

Persoalan yang pertama ialah persoalan kegigihan membangunkan projek perumahan mesra alam. Sebagai contoh Muhammad Taufik gigih membangunkan projek rumah mesra alam, iaitu rumah prototaip Ikhtiar Teknoalam walaupun memerlukan modal yang besar.

Persolan seterusnya ialah persoalan kegigihan menyatukan ibu bapa yang berpisah. Sebagai contoh, Muhammad Taufik gigih berusaha menyatukan kembali ibu dan ayahnya yang sudah lama berpisah. Dia selalu berhubung dengan mereka dan berdoa agar keluarga mereka dapat bersatu kembali.

Persoalan yang terakhir ialah persoalan kegigihan dalam mengotakan janji. Sebagai contoh, Nurul Hafsa gigih dalam usaha mengotakan janjinya kepada 15 orang pelajar cilik dan pengiring mereka dari negara Jepun yang ingin melihat bintang. Nurul Hafsa gigih membuat penyelidikan dan menyediakan folio tentang Kawasan Simpan Langitt Gelap Kuala Selangor.

## PLOT DAN TEKNIK PLOT

6. Bahagian permulaan sebuah novel memainkan peranan yang penting kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan. Jelaskan **dua sebab bahagian permulaan** novel ini telah menarik minat anda.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat dua sebab bahagian permulaan novel ini telah menarik minat saya.

- *Pada hari pertama bertugas di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Nurul Hafsa dipertanggungjawabkan menjadi pemandu kepada sekumpulan pelajar cilik dari Jepun bersama-sama tiga orang pengiring untuk mencerap bintang-bintang di langit, namun pencerap amatir tersebut berasa kecewa kerana mereka gagal melihat buruj Orion kerana langit pada malam itu terlalu cerah.*

Peristiwa ini menarik kerana cabaran pada hari pertama itulah yang membawa kepada janji Nurul Hafsa untuk mengembalikan bintang-bintang ke langit Kuala Selangor semula.

Peristiwa yang kedua ialah Puan Wickham salah seorang pengiring pelajar dari Jepun yang fasih berbahasa Melayu mempersoalkan Kuala Selangor tidak lagi sebagai tempat yang baik untuk pengkaji-pengkaji bintang. Nurul Hafsa berjanji akan mengatasi masalah tersebut meskipun Puan Wickham tidak begitu yakin dengan janji tersebut.

Peristiwa ini menarik kerana pembaca ingin tahu sama ada Nurul Hafsa akan Berjaya mengotakan janjinya untuk mengembalikan bintang-bintang di Kuala Selangor.

Peristiwa yang terakhir ialah peristiwa Muhammad Taufik bertemu Puan Wickham di bahagian bawah cerap dan mereka berbual-bual mesra. Peristiwa ini menarik kerinan pembaca tidak menyangka yang Puan Wickham ialah ibu kepada Muhammad Taufik.

8. Jelaskan tiga perwatakan watak utama dalam novel yang anda pelajari.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Watak utama dalam novel ini, iaitu **Nurul Hafsa**.

Perwatakan yang pertama ialah **seorang yang berani**. Sebagai contoh Nurul Hafsa berani menghantar laporan tentang tahap kecerahan langit di Kuala Selangor kepada Majlis Daerah Kuala Selangor untuk diambil tindakan selanjutnya.

Perwatakan yang kedua ialah **seorang yang gigih**. Sebagai contoh, Nurul Hafsa gigih dalam merealisasikan impiannya menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Hutan Simpan Gelap bagi tujuan pencerapan bintang dan pengendalian populasi kelip-kelip.

Selain itu, seorang yang bersyukur. Nurul Hafsa bersyukur kerana Kuala Selangor akan menjadi Kawasan Hutan Simpan Gelap pada thun hadapan. Nurul Hafsa juga bersyukur kepada

tuhan kerana dia tidak dcederakan oleh penjenayah ketika diculik dan dijadikan orang tawanan.

9. Jelaskan dua peristiwa yang menunjukkan seorang watak sampingan membantu watak utama dalam novel yang anda pelajari.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat dua peristiwa yang menunjukkan seorang watak sampingan membantu watak utama dalam novel tersebut. Watak sampingan ialah Budiman, manakala watak utama ialah Nurul Hafsa.

**Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Budiman membawa Nurul Hafsa berjumpa dengan lelaki kelip-kelip atau Muhammad Taufik. Muhammad Taufik kemudiannya mendapatkan bantuan daripada ayahnya agar Nurul Hafsa dapat membentangkan projek Kawasan Hutan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar.**

Selain itu, **Budiman juga menemani Nurul Hafsa ke Perpustakaan Awam Sutan Sharafuddin untuk membuat perbincangan tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap bersama-sama dengan Muhammad Taufik.**

10. Banyak nilai kemanusiaan yang ditonjolkan oleh watak utama dalam sesebuah cerita.

Jelaskan tiga nilai kemanusiaan yang ditunjukkan oleh watak utama yang wajar dicontohi oleh masyarakat.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat tiga nilai kemanusiaan yang ditunjukkan oleh watak utama, iaitu Nurul Hafsa yang wajar dicontohi oleh masyarakat.

Nilai kemanusiaan yang pertama ialah kebijaksanaan. Sebagai contoh, Nurul Hafsa bijak mematahkan hujah Dato' Johann Arlington-Majid sewaktu dia membentangkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor di hadapan Menteri Besar.

Nilai yang seterusnya ialah kegigihan. Contohnya, Nurul Hafsa gigih dalam merealisasikan impiannya menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor bagi tujuan pencerapan bintang dan pengendalian populasi kelip-kelip.

Nilai terakhir ialah kesyukuran. Contohnya, Nurul Hafsa bersyukur kerana Kuala Selangor akan menjadi Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor pada tahun hadapan. Nurul Hafsa juga bersyukur kepada Tuhan kerana dia tidak

decederakan oleh penjenayah ketika diculik dan dijadikan orang tawanan.

11. Pelbagai masalah dihadapi oleh watak utama dan watak sampingan yang diutarakan dalam sesebuah novel.

Huraikan dua cara watak sampingan menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat cara watak sampingan, iaitu Muhammad Taufik menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Masalah yang pertama ialah kepupusan habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan. Cara penyelesaiannya ialah Muhammad Taufik memagar kawasan anak sungai agar tidak berlaku percerobohan, gangguan manusia dan bunyi bot yang akan mengganggu populasi kelip-kelip.

Masalah yang kedua ialah pencemaran alam sekitar termasuk air, udara, bunyi dan cahaya.

12. Watak utama biasanya dikaitkan dengan pelbagai cabaran atau konflik yang terpaksa ditempuhinya.

Jelaskan bagaimana watak utama menghadapi dua cabaran atau konflik yang dihadapinya dalam sebuah novel yang anda pelajari.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat pelbagai cabaran atau konflik yang dihadapi telah diatasi oleh Nurul Hafsa.

Cabaran yang pertama ialah **konflik dalam menghadapi pencemaran cahaya di Kuala Selangor yang mengganggu pencerapan bintang-bintang dan habitat kelip-kelip**. Cara penyelesaiannya ialah **Nurul Hafsa bekerjasama dengan Muhammad Taufik dan budiman untuk mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor** yang dapat mengembalikan Kuala Selangor sebagai pusat pencerapan bintang amaturnya dan profesional serta kawasan habitat kelip-kelip.

Cabaran seterusnya ialah apabila **Nurul Hafsa dan rakannya Muhammad Taufik diculik oleh samseng upahan Dato' Johann Arlington-Majid dan dibawa ke kawasan ladang kelapa sawit**. Cara penyelesaiannya ialah **Nurul Hafsa membuat laporan polis di Balai Polis Bestari Jaya** sebaik sahaja dia dibebaskan dan akhirnya penculik itu dapat diberkas.

13. Dalam sesebuah novel, di samping watak utama, terdapat banyak watak sampingan. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan watak dan perwatakan seorang watak sampingan yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Watak sampingan dalam novel ini ialah Muhammad Taufik.

Perwatakan yang pertama ialah seorang yang prihatin. Muhammad Taufik sanggup menemui penculik Nurul Hafsa dengan tujuan untuk menyelamatkannya daripada penjenayah.

Perwatakan yang kedua ialah seorang yang penyayang. Muhammad Taufik menyayangi kedua-dua ibu bapanya walaupun mereka sudah berpisah dan berusaha memenuhi permintaan mereka.

Perwatakan yang seterusnya ialah seorang yang berterusterang. Muhammad Taufik berterusterang dengan bertanyakan kepada Nurul Hafsa sama ada dia sudi menerima lamarannya.

Perwatakan yang terakhir ialah seorang yang tabah. Muhammad Taufik tabah meneruskan usaha menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap untuk aktiviti pencerapan bintang dan populasi kelip-kelip bersama-sama Nurul Hafsa.

LATAR

14. Latar masa dalam sesebuah novel menjadikan cerita lebih realistik. Jelaskan tiga peristiwa yang berlaku pada waktu malam dalam novel yang anda pelajari.

Novel yang saya kaji ialah Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohamad Yusop. Terdapat tiga peristiwa yang berlaku pada waktu malam dalam novel ini.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Nurul Hafsa bertugas sebagai pegawai sains dan menjadi pemandu kepada pengunjung kanak-kanak dari Jepun untuk mencerap bintang. Pada malam itu juga Muhammad Taufik berjumpa dengan ibunya, Maryam Wickham dan mempelawa ibu menginap di Ikhtiar Teknoalam.

Peristiwa kedua ialah Nurul Hafsa menaiki bot bersama-sama pasangan pelancong orang putih dengan bayaran RM25 untuk melihat kelip-kelip. Dia kecewa kerana hanya dapat melihat beberapa ekor kelip-kelip sahaja sedangkan dia membayangkan akan dapat menyaksikan kerdipan kelipkelip secara sinkronasi.

Peristiwa ketiga ialah Tan Sri Muhaimin mengadakan majlis kenduri kesyukuran untuk meraikan pernikahan kali keduanya dengan bekas isterinya, Maryam Wickham Abdullah di masjid itu pada waktu siang.

16. Huraikan latar masyarakat dalam novel yang anda pelajari.

Novel yang saya pelajari ialah ialan Bimasakti Menari karya Rahayu Mohd Yusop. Terdapat latar masyarakat yang ditonjolkan dalam novel ini. Latar masyarakat yang pertama ialah msyarakat usahawan. Sebagai contoh, Tan Sri Muhaimin dan Dato' Arlington-Majid oalah usahawan yang berjaya dan sentiasa bersaing. Syarikat Dedaun Emas milik Tan Sri Muhaimin telah memenangi tander membina Taman Bandar Raya Hijau Kuala Lumpur yang diilhamkan oleh Perdana Menteri.

Latar masyarakat seterusnya ialah masyarakat yang cinta akan alam sekitar. Sebagai contoh, Muhammad Taufik membina rumah mesra alam, menggunakan kereta hibrid dan mengekalkan populasi kelip-kelip. Nurul Hafsa pula ingin mengembalikan kawasan langit gelap di Kuala Selangor supaya bandar itu kekal sebagai kawasan pencerapan bintang dan kawasan kelip-kelip. Maryan Wickham Abdullah menjadi aktivis alam sekitar di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Latar masyarakat yang akhir ialah masyarakat yang bertanggungjawab terhadap ahli keluarga. Sebagai contoh, Budiman sentiasa menjaga kebajikan adiknya, Nurul Hafsa dengan mendengar perasaan tidak puas hati Nurul Hafsa tentang keadaan langit gelap di Kuala Selangor yang mengalami

pencemaran cahaya dan memani Nurul Hafsa yang ingin bertemu dengan Muhammad Taufik bagi mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa berkaitan masalah tersebut.